

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN
[JULAU]**

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilangan rumah yang mendapat bekalan air bersih menurut negeri dan usaha terkini Kementerian memastikan bekalan air bersih untuk setiap rumah di Sarawak terutama sekali di kawasan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan komited untuk memastikan semua rakyat Malaysia termasuk di Sarawak mendapat akses kepada bekalan air yang bermutu dan terjamin. Sehingga tahun 2019, secara purata liputan bekalan air bersih di Semenanjung Malaysia sudah mencapai tahap 96.8% Manakala purata kadar liputan bekalan air bersih di Sarawak sehingga tahun 2019 adalah sebanyak 90%. Perincian liputan mengikut negeri adalah seperti di bawah:

NEGERI	BANDAR (%)	LUAR BANDAR (%)	PURATA (%)
Perlis	100	99	99.5
Kedah	100	96.5	98.3
P. Pinang	100	99.8	99.9
Perak	100	99.2	99.6
Selangor	100	99.5	99.8

NEGERI	BANDAR (%)	LUAR BANDAR (%)	PURATA (%)
N. Sembilan	100	99.8	99.9
Melaka	100	100	100
Pahang	100	96	98
Terengganu	99.1	92.9	96
Kelantan	63.5	77.8	70.7
Johor	100	99.8	99.9
WP Labuan	100	100	100
Sabah			78
Sarawak			79.5

Nota: Data Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan tahun 2017.

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU)

2. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah memperuntukan sebanyak RM1.56 bilion di bawah RMKe-11 bagi membiayai projek-projek sumber dan bekalan air secara pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Selain itu, peruntukan sebanyak RM70.7 juta secara geran telah diperuntukan bagi kerja-kerja berkaitan NRW di bawah Program NRW Kebangsaan Pendekatan 1. Projek telah bermula pada 22 Jun 2020 dan dijangka siap pada 20 Jun 2022.

Sekian. Terima kasih.